



Jerung bluntnose enam insang seberat 420 kilogram ditangkap di Lautan Pasifik oleh nelayan Taiwan Ahad lalu.

BH 20/7/2022 A.S: 41

Nelayan tangkap jerung purba pradinosaur

Taipei: Jerung enam insang hidung tumpul (bluntnose sixgill shark) yang jarang ditemui, spesies yang dipercayai telah berada di bumi sebelum kewujudan dinosaur ditangkap nelayan Taiwan dari daerah Taitung Ahad lalu.

Pembantu penyelidik di Pusat Biologi Marin Pantai Timur Institut Penyelidikan Perikanan, Wu Jui-hsien memberitahu

Agensi Berita Central (CNA), jerung itu adalah spesies yang jarang ditemui kerana hidup pada kedalaman 200 hingga 1,000 meter di bawah paras laut.

Meskipun kebanyakan spesies jerung moden berevolusi dan memiliki lima insang, jerung bluntnose masih mempunyai enam insang seperti nenek moyang mereka, jelas Wu.

Menurut Jui-hsien, ikan sebe-

rat 420 kilogram berkenaan ditangkap di Lautan Pasifik oleh bot nelayan yang berpangkalan di Taitung dan dibawa ke pelabuhan di daerah timur Taiwan, Xingang.

Hasil tangkapan berukuran kira-kira 395 sentimeter panjang itu dilelong semalam.

Menurut Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN), je-

rug bluntnose disenaraikan sebagai 'hampir terancam' kerana jangka hayatnya yang panjang yang menjadikannya buruan serta terdedah kepada eksploitasi.

Berdasarkan maklumat yang disiarkan di laman web Museum Florida, jerung bluntnose hampir menyerupai fosil berusia kira-kira 200 juta tahun dahulu.

BERNAMA